UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam

TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA

TS. DR. MUHAMMAD NABIL FIKRI BIN ROSLAN,

KETUA PUSAT PENGAJIAN FAKULTI SAINS KESIHATAN,

UITM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS BERTAM

SEMPENA

BOLLYWOD BLISS:MAGIC MOMENT

PENSA 2024

DI

_____

PADA

_____

SALUTASI BOLLYWOOD BLISS: MAGIC MOMENT 2025.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

1. Yang Berusaha
Ts. Dr. Mohamad Azhar bin Mohd Noor
Penolong Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam

2. Yang Berusaha
Ts. Dr. Muhammad Nabil Fikri bin Roslan
Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Kesihatan
UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam

3. Yang berusaha
Puan Norasma binti Abu Bakar dan Encik Afham Aslam bin Azizan
Penasihat Kelab Penang Nursing Student Association (PeNSA)

4. Yang berusaha
Para pensyarah, instruktor klinikal dan ahli jawatankuasa penganjur, seterusnya mahasiswa dan mahasiswi yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Malaysia Madani

dan Salam UiTM di hatiku

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. Pertama-tamanya, marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Majlis Perpisahan bagi meraikan pelajar-pelajar Semester 5 Program Kejururawatan. Ini merupakan detik istimewa yang memberi ruang kepada kita untuk menghargai segala usaha, komitmen, dan pencapaian anda semua sepanjang pengajian di sini.
2. Sebagai penyelaras program, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah dan terima kasih kepada anda semua atas segala usaha yang telah dicurahkan. Saya faham, perjalanan ini tidak mudah. Bidang kejururawatan menuntut pengorbanan yang tinggi, komitmen yang jitu, dan kesabaran yang luar biasa. Anda semua telah melalui pelbagai cabaran, dari teori hingga praktikal, dan setiap langkah yang diambil adalah persiapan untuk menghadapi dunia kejururawatan yang sebenar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan pensyarah yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan dan kecemerlangan pelajar-pelajar kita. Dedikasi dan bimbingan anda amat bermakna bagi pelajar-pelajar ini, dan segala ilmu yang

diberikan akan terus menjadi asas dan panduan buat mereka di masa hadapan.

4. Kepada para pelajar Semester 5 yang akan melangkah keluar sebagai bakal jururawat, ingatlah bahawa anda bukan sahaja membawa ilmu, tetapi juga nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi. Dunia kejururawatan menuntut kesabaran, keikhlasan, dan sikap profesional yang mendalam. Saya yakin bahawa anda semua akan menjadi jururawat yang cemerlang dan mampu memberikan sumbangan positif kepada masyarakat.

PENUTUP

5. Akhir kata, saya mendoakan agar anda semua berjaya dalam setiap bidang yang diceburi. Teruskanlah membawa nama baik institusi ini dan jadilah individu yang berintegriti serta berdedikasi dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Terima kasih kerana telah menjadi sebahagian daripada keluarga Program Kejururawatan ini, dan ingatlah bahawa kami sentiasa di sini untuk menyokong anda.

PERASMIAN PROGRAM

6. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan program BOLLYWOD BLISS:MAGIC MOMENT 2024.

   Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.